



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/04/64

OPERATOR HOTEL BOLEH ISYTIHAR SEMULA KEHENDAK MAKSIMUM

- Polisi baru minimakan/elakkan penalti Caj Sambungan Beban

Operator hotel yang terkesan dengan pandemik COVID-19 boleh mengisytiharkan semula Kehendak Maksimum (KM) bekalan elektrik berdasarkan penggunaan semasa bagi meminimakan atau mengelakkan penalti Caj Sambungan Beban (CSB) bulanan mereka menerusi polisi baru yang diluluskan oleh kerajaan dan mula dikuatkuasakan pada 15 Januari lalu.

Selain operator hotel, polisi baru CSB ini adalah terpakai kepada pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mendapat bekalan melalui Voltan Sederhana dan Voltan Tinggi. Mereka tertakluk kepada Caj Sambungan Beban (CSB) bagi tempoh enam tahun untuk pengguna baharu dan lima tahun bagi pengguna sedia ada yang membuat permohonan tambahan beban. Kelulusan untuk pengisytiharan semula KM ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

Penalti CSB dikenakan bagi mengelakkan KM diisytihar berlebihan oleh pengguna semasa permohonan bekalan berbanding beban sebenar yang diperlukan. Pengisytiharan KM yang berlebihan akan menyebabkan pembaziran kapasiti penjanaan serta peningkatan kos penjanaan dan penghantaran yang perlu ditanggung oleh pengguna lain.

Sebagai syarikat utiliti yang prihatin, TNB telah memberikan Pakej Bantuan melalui penanguhan CSB secara automatik selama enam bulan bagi penggunaan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 berikutan penularan pandemik COVID-19. Selepas tempoh itu, sektor perniagaan yang masih terkesan dengan wabak COVID-19 boleh memohon lanjutan penanguhan CSB bagi tempoh maksimum 6 bulan.

Sebarang permohonan untuk mengisytiharkan semula Kehendak Maksimum (KM) atau melanjutkan tempoh CSB boleh dimajukan melalui saluran berikut:

- i) E-mel kepada tnbcareline@tnb.com.my;
- ii) Majukan di Kedai Tenaga yang berdekatan; atau
- iii) Melalui pos di alamat berikut:

Lead (Commercial & Regulated Management)
Aras 16, Wisma TNB
No 19, Jalan Timur
46200 Petaling Jaya, Selangor

Di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pula, diskaun khas bil elektrik sebanyak 10 peratus dilanjutkan selama tiga bulan sehingga 30 Jun 2021 kepada enam sektor perniagaan yang terkesan di seluruh negara termasuk pengendali hotel, taman tema, pusat konvensyen, pusat membeli-belah, pejabat syarikat penerbangan tempatan, serta agensi pengembaraan dan pelancongan.

Di samping itu, menerusi pemberian rebat *Imbalance Cost Past Through* (ICPT) selama enam bulan bagi tempoh penggunaan 1 Januari sehingga 30 Jun 2021 kepada semua Pengguna TNB (domestik dan bukan domestik) pada kadar 2 sen setiap kilowatt perjam, operator hotel dianggarkan mendapat penjimatan bil elektrik bulanan antara 4 dan 5 %.

Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh menghubungi TNB CareLine di talian 1-300-88-5454 atau mengunjungi Kedai Tenaga berhampiran.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 April 2021, jam 10:00 pagi/petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my